

Pasukan UMS tekad cemerlang di Floria Putrajaya

UB 13.7.13 A2

PUTRAJAYA: Pesta Floria Putrajaya merupakan satu program kebangsaan tahunan yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya bagi mempromosikan kekayaan dan keindahan alam flora di Malaysia.

Setiap tahun, program ini sentiasa berjaya menarik perhatian masyarakat tempatan dan juga antarabangsa. Terbaharu, program itu telah diadakan di persisiran Tasik Putrajaya di Presint 2 dengan menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan dunia hortikultur dan landskap.

Berbekalkan tema yang menarik iaitu Orkid: Khazanah Tropika, penganjuran Floria kali ini berjaya menarik ramai pengunjung biarpun cuaca di

sekitar Putrajaya berjerebu dan kualiti udara yang kurang sihat.

Pada tahun ini, acara ini disertai oleh banyak badan kerajaan mahupun swasta merebut pelbagai anugerah dan hadiah yang ditawarkan kepada peserta yang menyertai pelbagai kategori pertandingan sepanjang pesta itu. Pihak berkuasa tempatan, badan-badan korporat, syarikat-syarikat perseorangan, universiti-universiti dan sekolah-sekolah merupakan antara peserta yang telah memeriahkan penyertaan di pesta berkenaan.

Tahun ini, banyak penyertaan telah diterima dari universiti dan kolej pengajian tinggi yang lain tetapi hanya sepuluh universiti atau kolej

yang layak menerima wang insentif sebanyak RM5,000 dari pihak Perbadanan Putrajaya, sekaligus dapat mempamerkan bakat dan kreativiti masing-masing kepada pengunjung.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Pertanian Lestari (SPL) sekali lagi telah berjaya dipilih dan menerima wang insentif untuk menyertai pertandingan kategori Taman Universiti itu.

Objektif penyertaan para pelajar SPL dalam pertandingan kali ini adalah untuk meningkatkan kemahiran insaniah para pelajar yang mana menambah pengalaman dalam merekacipta dan membina taman yang praktikal, dinamik dan mapan. Selain itu, penyertaan juga di harap dapat membantu mempromosikan UMS dan kelebihan kurikulum akademik di universiti terutamanya dalam bidang pertanian di peringkat kebangsaan.

Penyertaan pelajar SPL khususnya dari Program Hortikultur dan Landskap dilihat mampu mendedahkan para pelajar kepada aspek pengurusan dan pembinaan taman yang indah dan lestari.

Berbekalkan tema 'Orchids: The Wonderful Secrets Revealed', pada tahun ini pasukan UMS telah berjaya membina sebuah taman yang menarik ramai pengunjung kerana keunikannya yang tersendiri. Elemen buluh dan tumbuhan tropika telah berjaya menonjolkan keindahan pokok orkid yang terdiri dari pelbagai warna.

Taman UMS ini turut diinspirasi dari keindahan rumah percutian berkonsepkan tropika dan juga spa mewah yang menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat untuk merehatkan minda sambil mencari ketenangan.

Keindahan elemen air, lampu buluh dan landskap kejur yang lain hasil binaan Pasukan UMS sendiri berjaya menambat hati para juri sekaligus membawa pulang dua anugerah iaitu Floria Garden Starlight Award dan Floria Garden Creative Award.

Menurut Dekan SPL, Dr Sitti Raehanah Muhammad Shaleh, kejayaan ini bukan sahaja memartabatkan nama UMS di pertandingan itu, malah menaikkan nama Sekolah

Pertanian Lestari dalam bidang pertanian terutamanya dalam pengkhususan hortikultur dan landskap.

Menurut beliau, pihaknya juga ingin berterima kasih kepada pihak Perbadanan Putrajaya di atas penganjuran pertandingan seumpama ini.

Turut berbangga dengan kejayaan ini adalah Ketua Program Hortikultur dan Landskap SPL, Dr Jupikely James Silip yang berpendapat bahawa kejayaan dalam bidang rekabentuk dan kreativiti taman ini akan memotivasikan para pelajar lain untuk menjadi pelajar pertanian yang serba boleh dan berbakat dalam pelbagai bidang.

Pernyataan itu turut dipersetujui oleh sepuluh pelajar yang mewakili UMS pada tahun ini. Mereka terdiri daripada Normala Daud, Iganatia Ebi, Harniza Ishak, Marziah Ahmad, Siti Hazami Yacob, Nurul Husna, Adzlin Hairi, Mohd Hafizul, Anwar Hazim dan Anwar Tawe.

Kesemua mereka berpendapat bahawa penyertaan berkenaan telah membantu mereka mengutip banyak pengalaman sekaligus memberi pendedahan dan konsep pengurusan yang diperlukan dalam menempuhi alam pekerjaan kelak.

Dalam pada itu, Pensyarah Pembimbing, Shahida Mohd Sharif berkata penyertaan para pelajar SPL dalam pertandingan itu mampu memberikan nilai tambah dalam pembinaan sahsiah dan disiplin para pelajar dalam menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan.

"Saya ingin merakamkan penghargaan terhadap usaha dan komitmen para pelajar yang terlibat dalam membina taman itu biarpun jauh dari Kampus kami di Sandakan serta berdepan dengan pelbagai isu logistik dan pengangkutan.

"Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada kakitangan Makmal Ladang SPL terutamanya kepada Santy Karim, Khairul Azree, Frederick dan Zulkalana atas komitmen dan bantuan bagi mempersiapkan pasukan kami di pertandingan tersebut," katanya.

Segala penat lelah bagai hilang tatkala menerima berita bahawa Taman UMS akan menerima kunjungan penuh kasih daripada Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni.